

Pupuk semangat keprihatinan



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad (tiga, kiri) selaku Pengerusi II Kumpulan Isteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu membuat Lawatan Muhibah ke Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampung Menunggol, di sini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac. - Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu membuat Lawatan Muhibah ke Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampung Menunggol, di sini.

Rombongan lawatan diketuai oleh isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad selaku Pengerusi II kumpulan berkenaan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu.

Ketibaan rombongan dialakukan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Awang Haji Suazmie bin Haji Zukifli.

Semasa lawatan berkenaan, rombongan Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu menyampaikan sumbangan derma berbentuk penapis air bagi kemudahan murid-murid dan tenaga pengajar di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid mendapatkan bekalan sumber air yang bersih.

Turut disampaikan ialah hadiah insentif kepada Dayang Khaliqah binti Haji Ahmad, pelajar yang mendapat keputusan cemerlang, iaitu 5 'A' dalam Peperiksaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada Tahun 2018.

Sumbangan derma penapis air dan hadiah insentif berkenaan disampaikan oleh Datin Paduka Hajah Jahrah.

Bagi memberkati majlis, acara diteruskan dengan bacaan Doa Selamat.

Lawatan Muhibah ke Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid diakhiri dengan Sesi Ramah Mesra di antara ahli-ahli kumpulan bersama murid-murid sekolah, ibu bapa dan penduduk Kampung Menunggol yang turut mempamerkan produk-produk jualan mereka.

Rombongan seterusnya singgah ke rumah Ketua Kampung Menunggol, Awang Yusup bin Muhammad bagi menyampaikan sumbangan derma kepada penerima-penerima golongan asnaf fakir dan miskin yang menetap di kampung tersebut.

Lawatan Muhibah berkenaan adalah sebahagian daripada aktiviti kemasyaraksat dalam memupuk semangat keprihatinan kepada murid-murid dan masyarakat di kampung-kampung.

Selain itu, lawatan juga merupakan aktiviti tahunan bagi Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

BSP - CARe meterai perjanjian kerjasama



NAIB Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz (dua, kiri) dan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd (BSP), Dr. Ceri M. Powell (dua, kanan) ketika Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama.

Siaran Akhbar dan Foto: Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac. - Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd (BSP) hari ini menandatangani perjanjian kerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) di Cafe Simpur yang terletak di kampus UBD. Menandatangani bagi pihak BSP ialah Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M. Powell dan bagi pihak UBD diwakili oleh Naib Canselor, UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Perjanjian Kerjasama tersebut merasmikan permulaan projek penyelidikan satu tahun mengenai pelbagai aspek kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD), yang akan dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan Lanjutan (CARe) di UBD dan ditauliahkan oleh BSP.

Penemuan kajian tersebut dijangka menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035, dengan matlamat menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang dikenali ramai dengan kualiti hidup yang termasuk dalam 10 negara teratas di dunia.

Hadir menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Pengarah CARe, Profesor Madya Hoon Chang Yau dan Lead Investment Sosial, BSP, Awang Haziq Abdullah Lim.

UBD kini menduduki kedudukan 323 di dunia dalam World University Rankings Quacquarelli Symonds (QS) dan kedudukan ke-34 di kalangan universiti muda di dunia (QS Top 50 under 50 Rankings 2019) serta kedudukan ke-100 di Asia (QS Asia University Rankings 2019).

Kedudukan tersebut mencerminkan peningkatan kualiti keseluruhan dalam pengajaran dan penyelidikan UBD merangkumi reputasi UBD dan pengantarabangsaan sejak beberapa tahun yang lalu.

CARe merupakan institut penyelidikan utama di UBD yang menjalankan penyelidikan empirikal yang menjurus kepada isu-isu sosial di Brunei.

Pusat ini memfokuskan penyelidikannya kepada tiga kelompok penyelidikan: Belia dan Ekonomi, Kebajikan dan Kemiskinan, dan Kesihatan dan Penuaan.

Sementara, BSP pula merupakan salah satu syarikat tenaga terbesar di negara ini yang memainkan peranan penting dalam ekonomi negara.

Ditubuhkan pada tahun 1929, BSP telah menyokong masyarakat setempat dalam pembangunan mampan.

Sebahagian daripada prinsip kemapanannya termasuk menghormati dan melindungi

masyarakat dan memberi manfaat kepada masyarakat.

UBD mempunyai hubungan yang kekal dengan BSP menerusi pelbagai inisiatif pelaburan sosial yang melibatkan pembangunan belia, pendidikan dan keusahawanan.

Ini termasuk Perbaahan Hijau BSP-UBD, Forum CARE on Ageing, Shell Eco-Marathon, Skim Pembelajaran Pelajar Cemerlang BSP (BLESS), Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei (BEES), penajaan Ketua Profesor Awam dan Pekerjaan Kesihatan, Kem Sains Dasar dan Explomath serta kuliah tambahan daripada kakitangan BSP.

BSP berhasrat untuk terus bekerja rapat dengan akademi tempatan di negara ini.

Buat julung kalinya, BSP membuat kerjasama dalam projek penyelidikan dengan CARE dan diharapkan kerjasama tersebut akan menghasilkan penemuan yang dapat membantu BSP memperoleh pandangan mengenai keperluan masyarakat setempat dan terus menunjukkan sokongannya terhadap keperluan tersebut melalui inisiatif pelaburan sosialnya.

Tinjauan tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan data tempatan dan memberi peluang kepada para penolong penyelidik muda alumni UBD untuk menyumbang dalam aktiviti penyelidikan di bawah pimpinan CARE.

BERAKAS, Sabtu, 2 Mac. - Dalam menyemarakkan lagi Pesta Buku Brunei 2019 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, 2019 anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan telah mengadakan program Bincang-Bincang Buku iaitu bagi buku-buku Terbitan UNISSA Press.

Program diadakan di Pentas Kegiatan, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Para pembentang bagi program tersebut ialah Dekan Fakulti Bahasa Arab, Prof Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dengan buku bertajuk 'Bahasa Arab Untuk Haji-Umrah-Ziarah (Arab-Melayu)', Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam'; Awang Khairul Hidayatullah Basir dengan buku bertajuk 'Managing Oil Wealth: Lessons For Brunei To Learn From Norway'; dan Pensyarah Fakulti Usuluddin, Dr. Shohibuddin bin Haji Laming membicarakan tentang buku Kepedulian Masyarakat Brunei Darussalam Terhadap Bacaan Surah Al-Fatihah'.

Moderator bagi Sesi

Bincang-Bincang Buku tersebut ialah Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Dayang Surinah binti Haji Nordin.

Antara objektif program diadakan adalah untuk menampilkan para penulis dari kalangan tenaga akademik UNISSA dan sebagai penghargaan kepada penulis yang telah menyumbangkan hasil penyelidikannya.

Program ini juga untuk mengupas dan menguraikan isi kandungan buku berkenaan, di samping mempromosikan buku-buku terbitan UNISSA PRESS.

Program Bincang-Bincang Buku dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir terdiri para pensyarah dari beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi, pegawai-pegawai daripada beberapa buah Jabatan-Jabatan Kerajaan, pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Arab serta wakil beberapa buah syarikat-syarikat Pengendali Pakej Haji dan Umrah.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan buku-buku terbitan UNISSA, bolehlah mengunjungi booth No 54 sepanjang aktiviti Pesta Buku Brunei atau mendapatkannya di Pejabat UNISSA Press.

UNISSA Press semarak Pesta Buku Brunei 2019

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BERAKAS, Sabtu, 2 Mac. - Dalam menyemarakkan lagi Pesta Buku Brunei 2019 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, 2019 anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan telah mengadakan program Bincang-Bincang Buku iaitu bagi buku-buku Terbitan UNISSA Press.

Program diadakan di Pentas Kegiatan, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Para pembentang bagi program tersebut ialah Dekan Fakulti Bahasa Arab, Prof Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dengan buku bertajuk 'Bahasa Arab Untuk Haji-Umrah-Ziarah (Arab-Melayu)', Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam'; Awang Khairul Hidayatullah Basir dengan buku bertajuk 'Managing Oil Wealth: Lessons For Brunei To Learn From Norway'; dan Pensyarah Fakulti Usuluddin, Dr. Shohibuddin bin Haji Laming membicarakan tentang buku Kepedulian Masyarakat Brunei Darussalam Terhadap Bacaan Surah Al-Fatihah'.

Moderator bagi Sesi